



PERSATUAN PENGUSAHA SEMAIAN SAWIT MALAYSIA - 0925-08-SEL
(MALAYSIAN OIL PALM NURSERIES ASSOCIATION - MOPNA)

NO. 6, JALAN SS2/39. 47300 PETALING JAYA, SELANGOR, MALAYSIA.

TEL: 603-78777366, 78777466. FAX: 603-78777166

E-mail: mopna_mpob@yahoo.com

Ruj. kaml : 16-MOPNA/AGM9/S/1/01)

Tarikh : 22/01/2016

SEMUA AHLI MOPNA

Tuan,

MESYUARAT AGONG TAHUNAN KALI KE-9 PERSATUAN PENGUSAHA SEMAIAN SAWIT MALAYSIA(MOPNA) PADA 17 MEI 2016 BERSAMAAN HARI NURSERI FELDA AGRICULTURAL SERVICES SDN BHD (FASSB) PADA 18 MEI 2016

Adalah kami dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) MOPNA kali ke 9 adalah seperti berikut:-

Tarikh : 17 Mei 2016

Masa : 2.00 petang tepat

Tempat : Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak, Jengka, Pahang

3. Majlis ini adalah usahasama MOPNA dan FASSB yang turut mengadakan Hari Nurseri FASSB iaitu pada hari kedua 18 Mei 2016 yang mana turut disertai oleh semua lapisan industri sawit negara. Oleh itu, semua ahli MOPNA amat dialu-alukan untuk menghadirkan diri bagi merebut peluang yang ada. Namun mana-mana ahli MOPNA yang masih belum menjelaskan yuran tahunan adalah tidak layak untuk ke mesyuarat AGM ini.

4. Untuk makluman tuan, antara kemudahan yang disediakan dan ditanggung oleh MOPNA adalah penginapan dan makan minum. Walaubagaimanapun, setiap syarikat hanya dibenarkan menghantar 1 orang wakil kerana tempat penginapan yang terhad di mana setiap bilik perlu berkongsi 2 wakil. Elaun kehadiran bagi setiap perwakilan turut diberikan pada 18 Mei 2016 sebanyak RM100.00 (Semenanjung) dan RM200.00 (Sabah/Sarawak).

5. Kami juga mempelawa syarikat tuan-tuan untuk membeli ruang iklan (rujuk Lampiran 2) dalam buku cendrasahati yang akan diedarkan dimajlis tersebut. Tuan-tuan juga boleh membuat sumbangan/derma selkhas hati kepada kami.

Ruj. kaml : 16-MOPNA/AGM9/S/1(01)

6. Sila sahkan kehadiran tuan-tuan di LAMPIRAN 1 dan penyertaan ruang iklan di LAMPIRAN 2 pada/sebelum **20 Februari 2016** ke alamat, faks atau emel seperti tertera di atas. Bayaran untuk ruang iklan/sumbangan boleh dibuat melalui cek berpalang atas nama MOPNA atau didepositkan ke akaun MBB 512231334122. Maklumat bayaran perlu dimaklumkan kepada sekretariat MOPNA.

7. Untuk keterangan lanjut dan sebarang pertanyaan sila hubungi Sekretariat MOPNA di no. 03-7877 7366 @ 03-7877 7466.

- 1) En. Syahril
- 2) Puan Ezan
- 3) Puan Rohalzah

Sekian, terima kasih.

" Ke Arah Bahan Tanaman Yang Tulen Dan Berkualiti "

Yang benar,
PERSATUAN PENGUSAHA SEMAIAN SAWIT MALAYSIA



TAN KIM TUN, PJK
Presiden